



Tingkatan 5

NOTA RUJUKAN KOMSAS

**Bangkitlah
(Rejab F.I)**

Maksud

Rangkap 1

Penyajak menyeru anak bangsanya agar sedar daripada terlena dibuai kelalaian. Negara sudah lama merdeka dan semakin maju.

Rangkap 2

Negara kita semakin makmur dan bangsa-bangsa asing sibuk merebut kekayaan tanah air. Penyajak tertanya-tanya mengapa anak bangsanya masih leka.

Rangkap 3

Penyajak menyeru anak bangsanya supaya bangkit dari lena agar mereka tidak menyesal. Kekayaan hasil bumi negara semakin berkurangan dek pembangunan.

Rangkap 4

Penyajak berasa risau akan masa depan bangsanya yang munggis terus ketinggalan dan hidup dalam kesusahan. Beliau tidak mahu bangsanya berputih mata.

Rangkap 5

Jikalau bangsanya tidak mahu perkara itu berlaku, mereka perlu bangkit dan berusaha. Masih ada waktu dan kesempatan mereka untuk maju dan mengejar arus pembangunan.

Tema

Kesedaran anak bangsa perlu untuk bangkit daripada leka dalam mengejar arus pembangunan selepas kemerdekaan. Mereka harus merebut kemakmuran negara agar tidak menyesal.

Persoalan

1. Persoalan kepentingan mengejar arus pembangunan. Arus pembangunan perlu disadari dan diikuti oleh anak-anak.
2. Persoalan kemajuan dan pembangunan negara tidak akan menunggu sesiapa yang leka. Kemajuan dan pembangunan negara tidak akan menunggu sesiapa pun.
3. Persoalan sumber bumi dan khazanah negara semakin berkurangan. Hal ini perlu disadari oleh semua orang.
4. Persoalan masa depan anak bangsa yang masih leka. Kelekaan anak bangsa merunsingkan penyajak tentang masa depan mereka.

Bentuk

1. Bebas
2. Terdapat 5 rangkap
3. Rima akhir baris-baris ayat
 - Rangkap 1 terdapat 4 baris ayat. Rima akhirnya abcd.
 - Rangkap 2 terdapat 4 baris ayat. Rimanya abbbc
 - Rangkap 3 terdapat 5 baris ayat. Rima akhirnya abccd
 - Rangkap 4 terdapat 5 baris ayat. Rima akhirnya abcde
 - Rangkap 5 terdapat 4 baris ayat. Rima akhirnya abcd

Nada

Patriotik

Gaya Bahasa

1. Ayatnya pendek-pendek
Contohnya : bangkitlah
2. Diksi – mudah difahami dan puitis
Contohnya : Anak-anak yang sedang lena
3. Aliterasi – perulangan konsonan 'n'
Contohnya : burng-burng berterbngan di udara

4. Asonansi – perulangan vokal 'a'
Contohnya : Anak-anak yang sedang lena
5. Sinkope
Contohnya; kau
6. Perlambangan
Contohnya ; anak-anak, matahari, puncak gunung, madu bumi, perut belantara
7. Personifikasi
Contohnya : burung-burung belum menjamah awan.

Nilai

1. Nilai kegigihan.. Kegigihan diperlukan untuk mengejar kekayaan..
2. Nilai kerjasama ..Semangat ini diperlukan untuk merebut peluang yang ada.
3. Nilai kerajinan. Kerajinan diperlukan untuk memajukan diri.

Pengajaran

1. Kita tidak boleh leka walaupun telah merdeka.
2. Kita perlulah merebut peluang yang ada.
3. Kita perlulah bersaing dengan bangsa lain untuk maju.
4. Kita janganlah leka kerana kelekaan menyebabkan kita menderita dan terus dihimpit kemiskinan.

Latihan

1. Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dengan perkataan *bangkitlah*?
Jawapan: sedarlah/ insafilah
2. Apakah unsur gaya bahasa *kaumakan*?
Jawapan: sinkope